



Buluh ialah sejenis tumbuhan pelbagai guna. Tumbuhan ini biasanya tumbuh meliar di kawasan pinggir hutan.

Pada masa dahulu, pokok buluh dijadikan dinding dan lantai rumah. Pokok ini juga turut dijadikan galah. Anak buluh disebut rebung. Rebung boleh dimasak sebagai sayur.

Peredaran zaman turut mengubah kegunaan pokok buluh. Manusia mula mencipta alat muzik seperti angklung dan serunai. Buluh yang telah diraut nipis dijadikan hasil kraf tangan seperti bakul, tudung saji, dan kipas hiasan.

Bagi penduduk di negara China dan Thailand, mereka telah berjaya mencipta payung daripada buluh dan dieksport ke negara luar.



1 Di manakah pokok buluh boleh diperoleh?

---

2 Bahagian buluh yang manakah boleh dijadikan makanan?

---

3 Apakah alat muzik yang diperbuat daripada buluh?

---

4 Negara manakah yang mengeksport payung daripada buluh?

---

5 Apakah penjodoh bilangan yang sesuai bagi menggambarkan rimbunan pokok buluh?

---